

13/06/1997

GDW tingkat hidup penduduk Hulu Perak

Hamid Yahaman

GRIK: Iltizam kerajaan untuk memajukan setiap kampung di negara ini serta membela nasib rakyat miskin dapat dilihat menerusi usaha gigih pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Bagi tujuan itu, pelbagai program pembangunan dirancang yang memberi kesan positif dari pelbagai aspek, termasuk mewujudkan banyak projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat di negara ini.

Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) yang diwujudkan menerusi kementerian berkenaan adalah jentera pelaksanaan pelbagai projek pembangunan kepada rakyat sama ada dari segi fizikal dan minda masyarakat itu sendiri.

Satu daripada program terbaru dalam usaha meningkatkan taraf masyarakat di sesebuah kampung ialah Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pahang pada 1994.

Program ini bermula daripada peringkat perancangan dan terus kepada pelaksanaan, penyelarasan kerja kepada pengesahan projek. Ini kerana kerajaan mahukan peruntukan pembangunan untuk membangunkan apa yang dirancang demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

Beberapa kampung dalam daerah Hulu Perak juga dipilih untuk dibangunkan sebagai kampung contoh dengan menggerakkan minda masyarakat bagi mengimbangi taraf sosioekonomi, pembangunan fizikal dan kerohanian setanding dengan kampung lain.

Pada masa yang sama kampung berkenaan mahu dilihat sebagai kawasan luar bandar yang dimajukan serta mendapat kemudahan infrastruktur secukupnya, terutama bekalan air bersih dan elektrik.

Langkah itu diharap menjadi model pembangunan dan kemajuan kawasan luar pada masa depan.

Baru-baru ini, pelancaran GDW diadakan di Kampung Padang Stang di sini, yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali.

Dalam ucapannya, Tajol Rosli mahu penduduk di kawasan luar bandar terutama yang terbabit dalam GDW menggunakan sepenuhnya setiap tanah mereka bagi menambah pendapatan serta menyara hidup keluarga.

Menurutnya, mereka perlu tekun berusaha dengan bercucuk tanam di tanah terbiar terutama pokok sentang, kerana pengeluaran hasil tanaman itu mendapat pasaran meluas di peringkat antarabangsa.

Di samping itu beliau juga meminta penduduk kampung berkenaan menceriaikan suasana kampung dengan tanaman sayur dan bunga hiasan.

"Jika semua kampung di negara ini dapat melaksanakannya, saya pasti konsep bersih dan indah yang juga dilancarkan kerajaan akan tercapai selari dengan program GDW," katanya.

Sebelum itu Penolong Pengarah Kemas Perak, Ahmad Kamal Idris Nawawi ketika dalam taklimatnya berkata GDW bertujuan membentuk semangat berdikari dan mengikis mentaliti subsidi di samping menarik minat penduduk tempatan supaya aktif membangunkan desa.

Selain itu, ia bertujuan mempertingkatkan keupayaan penduduk desa untuk membentuk desa 2020 bagi membentuk generasi kedua yang cemerlang.

Menurut Ahmad Kamal, kerajaan mahu melihat pembangunan ekonomi dan minda masyarakat kampung bagi tempoh jangka panjang dan bukan setakat jangka pendek.

Ketua Kampung Padang Stang, Kasim Sudin, berkata pihaknya bangga dengan pemilihan kampung itu sebagai GDW kerana secara langsung minda dan budaya kekampungan penduduk desa dapat diubah secara positif.

Kampung Padang Stang adalah antara kampung paling tua di Grik selepas dibuka pada 1916 oleh seorang pedagang kerbau dari Pattani, Thailand, dikenali sebagai Samaon Maheran.

Katanya, setakat ini pelbagai program dirancang membabitkan peruntukan melebihi RM445,000 menerusi sumbangan swasta, badan korporat, badan berkanun serta anak tempatan yang berjaya dalam bidang masing-masing.

Kasim berkata, walaupun kampung itu dianggap paling tua di Grik, ia masih lagi ketinggalan dari segi kemudahan asas yang cuba ditingkatkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

Sewajarnya penduduk bekerjasama memajukan kampung berkenaan sama ada dari segi tenaga, masa dan buah fikiran dalam usaha mencapai matlamat GDW.

(END)